

# 5 penyamun kedai serbaneka tumpas

**Klang:** Jadikan premis kedai serbaneka sekitar daerah ini sebagai sasaran samun wang tunai dan rokok secara berkumpulan.

Itu tindakan lima penjenayah bersenjata parang yang diberkas polis menerusi Ops Pencegahan Jenayah Khas-Cantas di sini.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisyoner Cha Hoong Fong berkata, semua suspek berusia antara 21 hingga 45 tahun ditahan di kawasan Taman Telok Gedung Indah dan Taman Sentosa, di sini.

“Polis dapat menyelesaikan lima kes samun membabitkan kedai serbaneka di sekitar Klang susulan penangkapan dua suspek lelaki warga tempatan, Jumaat lalu.

“Tangkapan ke atas suspek susulan aduan diteri-

ma jam 5.35 pagi, Jumaat lalu.

“Mangsa (pekerja premis) memberitahu didatangi dua suspek mengacukan parang dan mengambil wang tunai dan pelbagai rokok pelbagai jenama,” katanya, semalam.

Hoong Fong berkata, jam 1.50 tengah hari hari sama, polis menyerbu dua rumah dan menangkap dua suspek berumur 21 dan 22 tahun dipercayai terbabit dalam kes itu di kawasan Taman Telok Gedung Indah, Pelabuhan Klang.

Menurutnya, bagi kes samun bersenjata di pasar raya jam 1 pagi, 11 Jun lalu, tiga lelaki diberkas polis di kawasan Taman Sentosa di sini.

“Ketika serbuan, polis menemui parang, pakaian dan kenderaan digunakan suspek,” katanya.



CHA (kiri) menunjukkan barang kes pada sidang media di IPD Klang Selatan. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR